

MBSA lantik juruperunding kaji masalah bah

Shah Alam: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan melantik juruperunding bagi mengkaji masalah banjir kilat yang sering melanda beberapa kawasan di Shah Alam termasuk di Seksyen 13, di sini.

Timbalan Pengarah Jabatan Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, berkata juruperunding itu akan menyediakan pelan tindakan dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mengatasi masalah

banjir kilat itu.

"Ketika ini, MBSA melaksanakan beberapa langkah bagi menangani banjir kilat terutama di Seksyen 13, termasuk membaiki dan membesarkan parit erong (lubang air di tepi jalan) untuk memudahkan aliran air dari permukaan jalan ke longkang.

Kolam takungan sementara

"MBSA turut menyediakan kolam takungan sementara berhampiran kampus Manage-

ment and Science University (MSU)," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau diminta mengulas mengenai banjir kilat yang melanda beberapa tempat di sekitar Shah Alam, kelmarin.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Komunikasi Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Muhammad Azli Miswan, berkata bantuan segera dihulur kepada penduduk setempat di sekitar Batu Tiga Shah Alam sebaik men-

dapat maklumat kejadian.

Selain dinaiki air, katanya, berlaku kejadian pokok tumbang yang perlu dibersihkan kerana mengancam keselamatan nyawa dan harta benda penduduk.

"Tidak banyak boleh dilakukan berikutan penyelenggaraan sungai di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Kami juga sentiasa memberi maklumat kepada JPS termasuk laporan berkaitan banjir kilat," katanya.